

24/03/1999

Usaha mencari sumber baru air perlu dipertingkatkan

PETALING JAYA, Selasa - Pengurusan bekalan air negara perlu dimantapkan sebagai persediaan menghadapi masalah kekurangan bekalan air pada masa depan, kata Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Beliau berkata, keperluan air di Lembah Klang saja dijangka meningkat 3,151 juta liter sehari (JLH) pada tahun 2003, melebihi kemampuan bekalan semasa 3,028 JLH.

Menurutnya, sumber air sedia ada, termasuk menerusi bekalan Empangan Sungai Selangor nanti, juga hanya mencukupi sehingga tahun 2006.

Berikutan itu, katanya, usaha mencari sumber baru air perlu dipertingkatkan termasuk mendapatkan bekalan dari negeri jiran.

"Kita tidak boleh alpa kerana bekalan sekarang memadai, sebaliknya pembinaan kawasan tadahan baru, loji rawatan serta simpanan air dan empangan selain usaha penyaluran air antara negeri, perlu dilaksanakan segera.

"Pada masa sama, kepelbagaian biologi serta ekologi alam tidak akan diabaikan dan pengurusan hutan mapan, termasuk mewartakan hutan simpanan serta zon penampungan kekal, akan dijadikan syarat wajib oleh kerajaan negeri.

"Langkah proaktif juga akan diambil bagi membanteras kehilangan lebih 40 peratus air tanpa hasil (NRW) yang disebabkan kebocoran, kecurian atau kes paip pecah," katanya selepas merasmikan Persidangan Air Kebangsaan anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli) di sini, hari ini.

Hadir sama, Presiden Asli, Mirzan Mahathir dan Presiden Kumpulan Sunway, Tan Sri Jeffrey Cheah.

Persidangan itu yang dihadiri hampir 50 syarikat antarabangsa dan tempatan serta agensi kerajaan yang terbabit dalam sektor pembekalan air, diadakan bagi merangka strategi pengurusan air yang berkesan dan praktikal.

Hasil perbincangan serta kertas kerja yang dibentang, akan digabung untuk dijadikan panduan pengurusan bekalan air serta pencarian sumber baru mengikut keperluan semasa negeri dan permintaan pengguna setempat.

Setakat ini, kata Abu Hassan, kerajaan Selangor memperuntukkan kira-kira RM6.628 bilion bagi menjalankan empat projek utama dalam usaha menampung keperluan air di Lembah Klang selepas tahun 2004.

Empat projek itu ialah Empangan di Hulu Selangor, projek menyegerakan pelaksanaan mendapatkan bekalan air dari Pahang, kerja mengepam air dari Sungai Kerling ke Empangan Sungai Buloh di Hulu Bernam dan Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa III, Peringkat I dan Peringkat II.

Selangor juga dijangka mempunyai lebih 575 JLH air menjelang tahun 2000, termasuk bekalan tambahan sebanyak 475 JLH berikutan tindakan menyegerakan pembinaan fasa dua Empangan Sungai Selangor.

Projek Sungai Selangor Fasa Tiga, iaitu sebahagian daripada skim Empangan Sungai Selangor berharga RM1.96 bilion pula akan menambah bekalan air sedia ada sebanyak 1,050 JLH menjelang tahun 2004.

Walaupun mencetuskan kontroversi, Abu Hassan menegaskan, projek itu tetap diteruskan tetapi kajian terperinciimbangan ekologi serta kesan terhadap alam sekitar akan dibuat bagi memastikan ia mesra alam.

Kesimpulan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar serta maklum balas orang ramai mengenai kajian itu turut diambil kira sebelum membuat sebarang keputusan berkaitan pembinaan empangan terbabit.

Selain itu, kerajaan negeri juga akan mempercepatkan perpindahan kilang

yang membuang sisa pencemaran ke dalam sungai bagi memastikan bekalan air mentah sedia ada boleh dirawat untuk kegunaan harian.

(END)